
PEKELILING PENGURUSAN BIL. 6 TAHUN 2021

**PERATURAN KESELAMATAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
(PENGURUSAN KUNCI KESELAMATAN)**

TUJUAN

Pekeliling Pengurusan Bil. 6 Tahun 2021 ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Peraturan Pengurusan Kunci Keselamatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2020 telah bersetuju meluluskan cadangan Peraturan Pengurusan Kunci Keselamatan sebagai dokumen rujukan yang akan membantu menerangkan tatacara pengurusan kawalan kunci keselamatan, penyerahan, penyenggaraan dan tindakan apabila kehilangan kunci di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3. Peraturan ini diwujudkan berdasarkan rujukan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, Arahan Keselamatan Kerajaan dan Pekeliling Bendahari Bil. 2/2009 Pengurusan Aset Alih Universiti.

PELAKSANAAN

Peraturan ini menetapkan tanggungjawab pengawalan penggunaan kunci bagi memastikan kunci keselamatan diselenggara dengan baik dan berada dalam simpanan yang selamat. Peraturan keselamatan bagi pelaksanaan pekeling ini adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUATKUASA

Penggunaan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 April 2021.


Sekian, untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Prof. Datuk/Prof. /Tuan/Puan.

Terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Yang benar,



NAIM BIN MASLAN
Menjalankan Tugas Pendaftar
☎ : 07-4537105